

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

08 OGOS 2016

ISNIN



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
THE STAR	TEEN BOY ALLEGEDLY TORTURED BY CUPLE	2
NEW STRAITS TIMES	INFRASTRUCTURE PROJECTS, RTS SET TO BOOST MERIDIN EAST APPEAL	3
SINAR HARIAN	ANCAMAN PENGGANAS PERLU PERHATIAN SERIUS	4
SINAR HARIAN	DERA ADIK 14 TAHUN, KAKAK DAN ABANG IPAR DIBURU	5
SINAR HARIAN	BIMBANG ANAK DIBERHENTIKAN KERJA	6
SINAR HARIAN	LITAR JOHOR ULANG KEGEMILANGAN	7
SINAR HARIAN	MUAFAKAT JOHOR CAFÉ PERKENAL 'FOOD BANK'	8
SINAR HARIAN	BENTERAS WABAK DENGGI BERSAMA	9
KOSMO	MAH SING BINA KEDIAMAN DI MERIDIN EAST	10
KOSMO	40,000 POKOK GAHARU DITANAM DI LITAR JOHOR	11
HARIAN METRO	TAMPUNG KEPERLUAN	12



# THE STAR

## Teen boy allegedly tortured by couple

STAR 8/8/16

**JOHOR BARU:** A teenager finally escaped after allegedly being tortured by his sister and her Indonesian husband.

The 14-year-old boy, who claimed he was also constantly kicked in the genitals, was rescued by villagers after running away from a house in a plantation in Kong Kong, Masai, near Pasir Gudang.

He stayed there with his sister and brother-in-law, both in their 30s. The Indonesian is believed to be in the country illegally.

The boy was found by a woman on Aug 3 when he fell asleep behind a surau in Kampung Desa Mewah, Kampung Sungai Penderam, after he ran away.

"He could barely stand when we found him," said the woman who declined to be identified.

She said the boy, whose body is covered with bruises, scars and

burn marks, claimed that he was scalded with hot water by the couple two days before he escaped.

"His private parts are badly swollen, from being kicked more than 20 times over the past two years," she said, adding that the teenager told her he did odd jobs for a living.

Seri Alam OCPD Supt Jokhiri Abd Azizi said the boy was the second youngest of 11 siblings.

"His sister has taken care of him since he was five years old, following the death of their father. He does not attend school," he said in a press statement yesterday.

The boy is now at the Sultan Ismail Hospital and under the care of the Welfare Department.

Supt Jokhiri said police were looking for the couple to assist in the investigation. The sister and her husband are believed to be in hiding.



# NEW STRAITS TIMES



Visitors taking a closer look at the Meridin East project at the launch of Mah Sing's ME Sales Gallery and Show Village in Johor Baru on Saturday. Pic by Hairul Anuar Rahim

## Infrastructure projects, RTS set to boost Meridin East appeal

NST 8/8/16

CHUAH BEE KIM

**PASIR GUDANG:** Infrastructure projects such as Jalan Kong Kong upgrade, here, and the proposed Johor Baru-Singapore Rapid Transit System (RTS) are strong pull factors of the Meridin East (ME) township spearheaded by Mah Sing Group Bhd.

The property developer is taking the initiative to improve the existing road around the ME — a new integrated development with a gross development value of RM5 billion.

Mah Sing group chief executive and managing director Tan Sri Leong Hoy Kum said it would widen a stretch between the Cahaya Baru Toll of the the Senai-Desaru Expressway and Jalan Kong Kong to become a 40-metre four-lane road.

“The upgraded infrastructure and

added accessibility to ME will be strong pull factors, and initiatives from both the federal and Johor governments are providing a big boost to spur growth in the area,” he said, adding that the initiatives included the proposed RTS, a third link between Malaysia and Singapore, and ferry services.

Leong said this at the launch of Mah Sing’s RM30 million ME Sales Gallery and Show Village, here, on Saturday. Johor Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, who launched the sales gallery, and Mah Sing Group chairman Tan Sri Yaacob Mat Zain were present.

Leong said the RTS was scheduled to be completed in 2018 and plans were underway for the third link.

He said ME, which would have five phases, was expected to be de-

veloped over 12 to 15 years.

Meanwhile, Khaled said there were plans to introduce “water taxi” services between Kong Kong and Changi.

“The water taxi will be one of the ways to overcome traffic congestion in the Johor-Singapore Causeway and the Second Link in Gelang Patah.

“The 531-hectare (ME) development will also have affordable housing to see inclusive growth for people from all walks of life,” he said.

The first phase of ME features the Mulberry Lake and 116 units of the Eden and Greenway double-storey-link houses priced from RM453,000.

The second phase will comprise 161 units of double-storey-link houses priced from RM357,000. Phase One of the Greenway units saw a take-up rate of 85 per cent.



# SINAR HARIAN

8/8/16

## Ancaman pengganas perlu perhatian serius

**PASIRGUDANG** – Cubaan serangan menggunakan roket ke Singapura melalui Batam, Indonesia oleh sekumpulan pengganas perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan persekutuan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kerajaan negeri mempunyai keyakinan tinggi terhadap pihak keselamatan dalam negeri untuk memantau mengenai ancaman kumpulan itu.

Menurutnya, kerajaan persekutuan mampu memberi perhatian khusus dan berkongsi maklumat dengan kerajaan-kerajaan yang ada di tempat lain sebagai langkah keselamatan dan berjaga-jaga.

"Sejak akhir-akhir ini kerajaan sendiri sentiasa bercakap mengenai ancaman kumpulan ini, maka saya pasti kerajaan sedang memantau dan mengambil langkah berjaga-jaga.

"Saya percaya kita perlu memberi perhatian kepada kumpulan ini dan rakyat perlu menerima apa yang dinyatakan kerajaan sebagai satu ancaman serius dan bukan satu perkara yang boleh diambil mudah," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Meraikan Bakal-Bakal Haji 2016 Parlimen Pasir Gudang, di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Normala Abdul Samad dan Timbalan Ketua Umno Bahagian Pasir Gudang, Abdullah Abd Rahman.

Sementara itu, seramai 98 bakal haji dan hajah dalam Parlimen Pasir Gudang terpilih menjadi tetamu ALLAH pada tahun ini.

"Sampaikan salam kami kepada Rasulullah SAW dan doakan yang baik-baik untuk negeri dan negara kita supaya sentiasa berada dalam keadaan aman, maju dan sejahtera sentiasa," katanya.



Mohamed Khaled (dua kanan) diiringi Normala menyampaikan sumbangan wang tunai kepada bakal haji sempena Majlis Meraikan Bakal-Bakal Haji 2016 Parlimen Pasir Gudang, semalam.



# SINAR HARIAN

Sf 8/8/16

## Dera adik 14 tahun, kakak dan abang ipar diburu

**PASIR GUDANG** – Polis giat memburu seorang wanita dan lelaki yang dipercayai mendera seorang remaja lelaki berusia 14 tahun yang juga adik kandungnya di sebuah perkampungan pedalaman sebuah ladang di Kong Kong Masai, di sini.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Jokhiri Abd Aziz berkata, remaja berkenaan ditemui seorang wanita dalam keadaan ti-

dak bermaya di sebuah surau kawasan Kampung Desa Mewah, Sungai Penderam, Seri Alam kira-kira jam 9.30 malam Rabu lalu.

Menurutnya, mangsa dikatakan melarikan diri dari rumah selepas tidak tahan didera oleh kakak dan abang iparnya yang telah menjaganya sejak umur lima tahun selepas kematian bapanya.

"Mangsa mengadu telah lama didera kakak dan abang

iparnya selepas wanita yang menemui mangsa mendapati terdapat kesan lecur akibat air panas, parut-parut luka dan kesan lebam di kebanyakan bahagian anggota badan.

"Polis sedang giat memburu suspek kerana telah melarikan diri dan tidak pulang ke rumah selepas tindakannya mendera darah daging sendiri terbongkar," katanya.

Jokhiri berkata, mangsa yang juga anak ke-10 daripada

11 adik-beradik telah dihantar untuk rawatan lanjut di bawah kawalan Pegawai Pelindung Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selepas membuat laporan polis.

Menurutnya, mangsa berada dalam keadaan stabil di bawah pemerhatian Pakar Rawatan Kanak-Kanak Hospital Sultan Ismail (HSI), di sini.

"Kita sedang jalankan siasatan mengikut Sensyen

31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001. Jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM20,000 atau penjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

"Polis mohon kerjasama orang ramai tampil menyalurkan maklumat di mana-mana balai polis berhampiran atau melalui hotline Polis Kontinjen Johor di talian 07-2212999 atau hotline Ibu Pejabat Polis Daerah Seri Alam di talian 07-3864222," katanya.



JOKHIRI



# SINAR HARIAN

8/8/16

## Bimbang anak diberhentikan kerja



Cher Puk (dua, kanan) menghulurkan bantuan wang tunai RM600 kepada Syed Ali yang menghidap penyakit kencing manis ketika kunjungan ke rumahnya di Taman Plentong Baru.

**PASIR GUDANG** – Seorang bekas pemandu teksi risau anak keduanya diberhentikan kerja sebagai penyelia sebuah kuari, di sini apabila terpaksa berulang-alik setiap hari menghantarnya mendapatkan rawatan kencing manis di hospital.

Syed Ali Syed Abu Bakar, 64, berkata, perbelanjaan keluarga dan kos perubatannya bergantung sepenuhnya kepada anak lelaki yang selain perlu menyara isteri serta empat anaknya yang menetap di Melaka.

Menurutnya, kehidupan anaknya agak kelam-kabut selepas jari kaki kiri serta kaki kanannya dipotong sehingga ke paras betis lebih tiga bulan lalu,

“Sejak itu urusan diri terpaksa bergantung kepada isteri dan anak kedua, malah langsung kehilangan punca pendapatan.

“Saya risau anak yang banyak membantu saya ini diberhentikan kerja kerana selalu lambat masuk kerja ekoran terpaksa menghantar dan mengambil saya mencuci kaki di klinik atau


hospital setiap hari,” katanya kepada pemberita ketika menerima kunjungan Pegawai Khas Menteri Besar, Tan Cher Puk di kediamannya di Taman Plentong Baru, di sini.

Sementara itu, Cher Puk berkata, beliau akan mengadakan perbincangan dengan pihak Yayasan Bandaraya Johor Bahru (YBJB) dalam masa terdekat untuk menyediakan kemudahan van bagi membantu pesakit.

Menurutnya, usaha itu mampu kurangkan beban yang ditanggung golongan pesakit terlantar selain tidak menyusahkan anak-anak yang terpaksa bekerja menyara keluarga.

“Kita akan berbincang dengan YBJB kerana usaha ini telah dilaksanakan oleh Yayasan Pasir Gudang dan Yayasan Penyayang Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.

“Dari rekod yang kita ada tidak kurang 50 pesakit terdiri daripada yang lumpuh dan perlu rawatan dialisis berdepan dengan masalah pengangkutan untuk mendapatkan rawatan susulan di hospital,” katanya.



# SINAR HARIAN

SH 8/8/16

## Litar Johor ulang kegemilangan

Bakal diperbaharui menjadi jadi litar lumba pertama dunia guna teknologi neutral karbon menjelang 2018

■ SHAFIQ TINO

**PASIR GUDANG** - Kegemilangan Litar Johor akan dikembalikan semula apabila trek sepanjang empat kilometer yang terletak di Pasir Gudang itu bakal diperbaharui untuk menjadi litar pertama di dunia menggunakan teknologi neutral karbon.

Pembaharuan litar yang dijangka siap 2018 itu bakal dilengkapi penanaman kira-kira 47,000 pelbagai jenis pokok gaharu selain buluh dan tumbuhan lain di atas tanah seluas 20 hektar.

Ketua Pegawai Eksekutif Johor Motorsports Sdn Bhd (JMS), Denis Lian berkata, sasaran utama pihaknya untuk melakukan usaha berkenaan adalah untuk membangunkan semula kemudahan sukan permotoran bertaraf dunia di Johor.

Menurutnya, projek pembangunan semula di atas tanah seluas 80 hektar di Pasir Gudang itu juga bakal dilengkapi dengan infrastruktur komersial pusat beli-belah, komuniti



Tunku Idris Iskandar (dua,kiri) bersama Dennis (kiri) menerima cenderamata dari Steven (dua,kanan) selepas selesai majlis tandatangan memorandam, semalam.

berpagar dan akademi litar lumba.

"Buat masa ini kita berada pada tahap akhir untuk memuktamadkan rekaan baharu sebelum memulakan langkah seterusnya iaitu membangunkan semula Litar Johor sebagai litar lumba yang lengkap dengan tek-

nologi mesra alam dan persekitaran hijau.

"Projek gergasi ini juga dijangka mengambil masa antara 24 hingga 36 bulan untuk siap," katanya selepas selesai majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU)

antara JMS dan Asia Plantation Capital Bhd (APCB) di Kilang APCB, di sini, semalam.

Perjanjian tersebut turut ditandatangani oleh Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim selaku Pengerusi JMS ber-

sama Ketua Pegawai Eksekutif APCB, Steven Malcolm Watts.

Hadir sama pada majlis tersebut, Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman Sultan Ibrahim.

Menurut Lian lagi, reka letak litar sepanjang empat kilometer berserta 12 selekoh itu akan menyaksikan sedikit pengubahsuaian yang menepati piawaian Persekutuan Automobil Antarabangsa (FIA) Kelas 2.

Sementara itu, Steven berkata, proses penanaman pokok akan bermula dalam tempoh enam bulan lagi.

"Penyelenggaraan pokok gaharu dan lain-lain yang ditanam di ladang dan litar tidak banyak beza dan masih menggunakan kaedah yang sama. Oleh itu, usaha ini dianggap tidak mustahil dan tidak menjadi sebarang masalah.

"Bagi kos penyelenggaraan pokok pula, ia dijangka menelan belanja kira-kira RM30,000 bagi setiap ekar (0.4 hektar) setahun," katanya.



# SINAR HARIAN

Stt 8/8/16

## Muafakat Johor Café perkenal 'Food Bank'

PASIR GUDANG – Muafakat Johor Café yang mula beroperasi 30 Jun lalu mengambil inisiatif baik memperkenalkan kempen 'Food Bank' untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan.

Menteri besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, usaha sedemikian wajar diberikan pujian kerana tidak ramai yang mahu mengambil risiko mengadakan program sebegini kerana memikirkan kerugian semata-mata.

Menurutnya, wang sumbangan yang diberikan pelanggan kafe berkenaan dapat diagihkan makanan percuma kepada golongan yang kurang berhasrat baik dalam usaha membantu meringankan beban mereka.

"Pihak kafe akan turut memamerkan berapa ramai orang yang boleh mendapatkan makanan percuma pada hari itu hasil sumbangan yang diterima daripada pelanggan atau orang ramai.

"Kerajaan negeri memang mempunyai perancangan ke arah itu dan ketetulan Muafakat Johor Café telah dilaksanakan dan mungkin boleh menjadi pengeloa program sedemikian di Johor selepas ini," katanya pada Majlis Perasmian Muafakat Johor



Mohamed Khaled (tengah) menyempurnakan gimik perasmian Muafakat Johor Café, semalam

Café di Bandar Seri Alam, di sini, kelmarin.

Hadir sama, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Hasrin Kamal Mustafa, Penasihat Muafakat Johor Café, Datuk Lee Chee Weng dan Pengarah Muafakat Johor Café, Nur Aiza Zuliani Abd Samad.

Mohamed Khaled berkata, kafe yang mempertaruhkan hidangan makanan vegetarian merupakan langkah yang baik dalam usaha memperkenalkan kepelbagaian makanan yang terdapat di negeri ini.

Menurutnya, penyediaan kemudahan dan persekitaran yang baik serta membawa jenama Muafakat Johor bukan sahaja

menggambarkan suasana harmoni, malah dilihat dari perspektif yang sejahtera dalam kalangan masyarakat.

"Saya sering menggesa usahawan agar sentiasa menerapkan idea kreatif dan inovatif dalam usaha menghasilkan trend baharu supaya menarik lebih ramai pengunjung selain membolehkan perniagaan berkembang maju.

"Saya berharap mereka yang berkunjung ke kafe ini untuk menjamu selera turut bersama-sama mengambil kesempatan menghidupkan semangat muafakat kerana ia merupakan antara senjata kita ke arah Johor berkemajuan," katanya.





# SINAR HARIAN

36 Sinar Harian • Isnin 8 Ogos 2016

**JOHOR BAHRU**

BERSEKUTUAN  
HORSHIKIN MOHD SALLEH • 019-7906796

## Banteras wabak denggi bersama

Penduduk, NGO berjaya tarik minat pekerja asing sertai kempen tangani pembiakan aedes di kawasan perumahan

■ SHAFIQ TINO

**PASIRGUDANG** - Kempen kesedaran denggi yang sering dijalankan masyarakat setempat bersama pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) berjaya menarik minat pekerja asing yang tinggal di Malaysia untuk sama-sama melawan serta mencegah wabak berkenaan.

Pekerja kilang, Amdadul Hoque, 28, yang telah menetap di Taman Mawar, di sini sejak sembilan tahun lalu berkata, dirinya sering terlibat dan menyertai mana-mana kegiatan gotong-royong bagi membantu membasmi penyakit berbahaya tersebut.

"Saya telah terlibat dalam aktiviti memerangi pembiakan nyamuk aedes ini sejak dari tanah air lagi (Bangladesh) memandangkan di kawasan pe-



AMDADUL

rumahan saya turut terdapat beberapa kes kematian disebabkan wabak ini.

"Mampu bertutur dan membaca dalam Bahasa Melayu banyak membantu saya untuk beramah mesra dan bercampur dengan masyarakat di sini, sekali gus memperoleh maklumat mengenai aktiviti gotong-royong yang sering diadakan pada setiap bulan," katanya ketika di-



Normala (tengah) memegang dust blower sebagai gimik perasmian majlis tersebut, semalam

temui semasa majlis gotong-royong yang diadakan di Taman Mawar, di sini, semalam.

Hadir sama bagi menyempurnakan Majlis, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Normala Abdul Samad.

Rakannya, Jalal Ali Hussin, 38, pula berkata, sejak mula menetap di Malaysia pada ta-

hun 2011 yang lalu, masyarakat sekitarnya sering mengingatkan untuk sentiasa menjaga kebersihan di kawasan penempatan bagi mengelakkan pembiakan nyamuk aedes.

"Mereka sentiasa mengingatkan saya dan rakan se- rumah untuk sentiasa menjaga kebersihan dan menguruskan pembuangan sisa sampah dengan baik terutama bekas polistirena dan benda-benda yang boleh menampung air," katanya.


Sementara itu, Presiden Combit Zon Mawar, Mariah Jaafar berkata, sejak aktiviti gotong-royong yang terakhir iaitu pada bulan Mac lalu, pihaknya tidak pernah menerima apa-

apa laporan berkenaan kes denggi di kawasan.

Bagaimanapun, beliau berkata, Julai lalu, kira-kira 27 kes telah dilaporkan masyarakat setempat yang turut melibatkan seorang kanak-kanak berusia sebelas tahun.

"Oleh itu, Komuniti Bebas Denggi' (KBD) menerusi Syarikat EntoGenex Industries Sdn Bhd telah menyediakan 5000 kit KBD untuk diagihkan ke setiap rumah dalam kawasan komuniti zon Mawar.

"Setakat ini, pihak kami telah berjaya mengedarkan kit percuma yang bernilai RM70 itu kepada sebahagian penduduk di kawasan ini yang juga termasuk beberapa penerima dari kawasan berhampiran iaitu penduduk dari Bukit Dahle, Taman Cahaya Masai, Taman Cendana dan Taman Rinting," katanya.



# KOSMO

Kosmo 8/8/16

## Mah Sing bina kediaman di Meridin East

**JOHOR BAHRU** - Mah Sing Group Bhd. (Mah Sing) melabur sebanyak RM5 bilion bagi membangunkan Bandar Baru Meridin East di kawasan seluas 531.35 hektar di Kong Kong, Pasir Gudang, dekat sini.

Projek perbandaran yang terletak 28 kilometer dari pusat bandar Johor Bahru itu melibatkan lima fasa pembangunan dan dijangka siap

sepenuhnya dalam tempoh 12 hingga 15 tahun.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, projek yang sedang dilaksanakan di timur Johor itu mampu menambah baik kehidupan rakyat.

“Pembangunan sesuatu kawasan dilaksanakan dengan mengambil kira pelbagai aspek termasuk alam sekitar, harga rumah yang ditawarkan

dan sistem pengangkutan,” katanya pada majlis pembukaan Galeri Jualan dan Rumah Contoh Meridin East di Pasir Gudang di sini kelmarin.

Mohamed Khaled turut menggesa pemaju untuk mengambil serius pembinaan Rumah Mampu Milik Johor, rumah pakej A dan Pakej B.

“Ia bagi menarik rakyat untuk berhijrah ke Johor Bahru

Timur terutamanya dengan cadangan untuk mewujudkan perkhidmatan teksi air dan menjadinya sebagai satu lokasi yang strategik,” katanya.

Di bawah projek Meridin East, Mah Sing telah melancarkan pembinaan kediaman Greenway dan Eden iaitu rumah teres dua tingkat yang masing-masing terdiri daripada 161 buah unit. - Bernama



# KOSMO

Kosmo 8/8/16

## 40,000 pokok gaharu ditanam di Litar Johor

**PASIRGUDANG** - Litar Johor di sini bakal menjadi litar pertama dalam negara yang dibangunkan dengan konsep neutral karbon melalui penanaman lebih 40,000 tanaman gaharu melibatkan kira-kira 20 hektar daripada 80 hektar di sekitar kawasan itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Asia Plantation Capital Bhd. (APCB), Steve Watts berkata, proses penanaman pokok tersebut dijangka melibatkan tempoh masa selama enam bulan dengan kos penyelenggaraan RM30,000 bagi setiap 0.4 hektar.

Watts berkata, sebelum ini

konsep pembangunan neutral karbon dilaksanakan di Thailand dan Sri Lanka.

"Penyelenggaraan pokok gaharu yang ditanam di ladang dan litar boleh dilakukan dengan kaedah yang sama. Jadi kita tidak mempunyai masalah menyelenggara pokok di kawasan litar," katanya.

Beliau berkata demikian pada pemberita pada Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara APCB yang merupakan syarikat pengurusan perladangan dengan peminaju litar lumba, Johor Motorsports Sdn. Bhd.

(JMS) di sini semalam.


MoU tersebut ditandatangani Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim yang juga Pengerusi JMS bersama Ketua Pegawai Eksekutif JMS, Denis Lian dan Watts.

Turut berangkat Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman.

Sementara itu, Denis berkata, pembangunan semula Litar Johor dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh dua hingga tiga tahun lagi kini dalam proses memuktamadkan rekaan baharu bagi litar tersebut.



**TUNKU IDRIS** (tiga dari kanan) mencium minyak wangi yang dihasilkan daripada kayu gaharu sempena Majlis Menandatangani MoU antara Johor Motorsports dan APCB di Taman Industri Masai, Johor Bahru semalam.



# HARIAN METRO



MOHAMED Khaled (tengah) melihat pelan pembangunan projek pada Majlis Perasmian Projek Perumahan Meridin East dan Galeri Jualan.

## Tampung keperluan

■ Projek RM5b bakal ubah wajah timur Johor dalam tempoh 20 tahun

Mary Victoria Dass  
maryvictoria@hmetro.com.my

Pasir Gudang 8/8/16

**P**embangunan kawasan perumahan Meridin East (ME) oleh Kumpulan Mah Sing membabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) RM5 bilion di kawasan seluas 531 hektar di Jalan Kong Kong di sini, dijangka mengubah wajah kawasan timur Johor dalam tempoh 20 tahun akan datang.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, bukan saja kawasan barat Johor, malah kawasan di bahagian timur juga menjadi perhatian beberapa pemaju untuk terus melaksanakan projek pem-

“**Kerajaan negeri terminal feri dan teksi air di Kong Kong ke Terminal Feri Changi di Singapura**”

Mohamed Khaled

bangunan perumahan di kawasan itu.

Beliau berkata, projek itu juga dilihat memadai bagi menampung keperluan pada masa depan apabila berlaku penghijrahan penduduk ke kawasan timur, selain pelbagai perancangan sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

“Kerajaan negeri bakal mewujudkan terminal feri

dan teksi air di Kong Kong ke Terminal Feri Changi di Singapura selepas mendapat kebenaran daripada Kerajaan Pusat dan sekiranya beroperasi ia hanya mengambil masa perjalanan kira-kira lima minit dari kawasan perumahan ini ke terminal itu.

“Kemudahan teksi air ini dijangka menjadi antara medium pengangkutan awam yang akan diwujudkan bagi menghubungkan penduduk dari timur Johor ke Singapura dan kemudahan ini memudahkan penduduk di kawasan Pasir Gudang yang terpaksa menempuhi perjalanan jauh ke tambak untuk ke Singapura,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Projek Perumahan Meridin East dan Galeri Jualan di Jalan Kong

Kong di sini, kelmarin.

Hadir sama, Pengerusi Kumpulan Mah Sing, Tan Sri Yaacob Mat Zain, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Datuk Ismail Karim, Ahli Parlimen Tebrau, Khoo Soo Seang dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tiram, Datuk Maulizan Bujang.

Katanya, kerajaan negeri lebih memfokuskan terhadap usaha merancang sesuatu pembangunan bermanfaat kepada semua termasuk penduduk di kawasan timur Johor dan segala pembangunan yang dijalankan adalah berdasarkan kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

Yaacob berkata, pembangunan yang terbahagi kepada lima fasa dijangka siap dalam tempoh 12 hingga 15 tahun akan datang.

